

# Pertabalan Yang di-Pertuan

KUALA LUMPUR, Rabu - Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, 58, akan ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam acara penuh adat istiadat di Balairong Seri, Istana Negara pagi esok.

Mengikuti atur cara pentadbiran yang dikeluarkan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri, tiupan nafiri dan paluan nobat lagu *Raja Berangkat* dari Kum-

pulan Nobat Istana Kedah akan mengiringi keberangkatan Seri Paduka dan Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid ke Balairong Seri.

Istiadat itu akan dihadiri oleh Raja-Raja Melayu. Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri, Perdana Menteri, Menteri-Menteri Kabinet, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, kerabat diraja Seri Paduka, wakil negara asing serta tetamu kehormat dari dalam dan luar

negara.

Istiadat itu dijangka bermula jam 10 pagi dan akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Atur cara istiadat akan bermula dengan barisan Diraja masuk ke Balairong Seri diarahkan oleh Datuk Maharaja Lela Datuk Zubir Ali dan panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama.

Cogan Alam dan Cogan Agama, kedua-duanya tongkat pprak adalah se-

bahagian alat kebesaran Diraja yang menjadi lambang kebesaran 'Kerajaan Malaysia.

Mereka akan diiringi oleh juruiring Seri Paduka dan panglima yang membawa alat kebesaran Diraja.

Tuanku Syed Sirajuddin akan herpakaian rasmi Yang diPertuan Agong iaitu muskat (seperti kot hitam labuh) yang bersulam emas serta berseluar panjang bersulam di kaki dengan bertengkolok "Den-

## Agong ke-12 hari ini

dam Tak Sudah".

Seri Paduka juga akan memakai Pending Diraja, diperbuat daripada emas bertatahkan permata delima dengan lambang Kerajaan Persekutuan tertera di tengah-tengahnya bersama-sama tali bengkung yang diperbuat daripada kain sakhlat bertekat benang emas herbunga-bunga.

Sementara di pinggang Seri Paduka akan tersemat Keris Pendek Diraja yang hulunya diperbuat dari-

pada mata keris lama dengan bersarung gading bertatahkan emas.

Tuanku Fauziah pula akan memakai perhiasan Raja Permaisuri Agong iaitu Gendik Diraja, pakaian ulu (kepala) dan Kalung Diraja, kedua-duanya diperbuat daripada emas putih bertatah berlian.

Seri Paduka berdua akan bersemayam di Singgahsana untuk istiadat pertabalan itu.

Istiadat akan dimulakan dengan membawa masuk

naskhah al-Quran oleh Datuk Penghulu Istiadat Datuk Ishak Ahmad yang juga Datuk Pengelola Bijaya Diraja serta Keris Kerajaan, surat perisytiharan dan watakah ikrar oleh pegawai Istana Negara yang diketuai oleh Datuk Maharaja Lela dengan iringan paluan nobat lagu *Menjunjung Duli*.

Naskhah al-Quran, lambang kemuliaan Islam agama rasmi negara, akan

**LIHAT MUKA 4**

## PM baca surat perisytiharan

### DARI MUKA 1

disembahkan kepada Seri Paduka oleh Datuk Paduka Maharaja Lela.

Seri Paduka akan mengucap dan meletakkannya di atas rehal di meja sebelah kiri baginda.

Ini akan diikuti dengan pembacaan surat perisytiharan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditulis jawi di atas kulit kambing.

Datuk Pacluka Maharaja Lela akan menyembahkan Keris Kerajaan atau Keris Panjang Diraja, iaitu alat utama kebesaran negara, tanda kebesaran dan kekuasaan kepada Seri Paduka.

Seri Paduka kemudian

akan menghunus, mengucap dan menyarungkan kembali keris itu sebelum meletakkannya di meja sebelah kiri baginda di hadapan naskhah al-Quran.

Ini akan diikuti dengan titah Seri Paduka melafazkan ikrar sebagai pemerintaha utama negara.

Sebaik saja selesai warkah ikrar dibaca, nafiri akan dituip dan lagu nobat "Raja Bertabal" akan dimainkan, dan akan diikuti dengan laungan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali oleh Datuk Mahdrafah Lela yang diikuti oleh hadirin.

Tembakan meriam 21 das dan lagu *Negaraku* yang dimainkan oleh Pancaragam

Polis Diraja Malaysia menyusul selepas itu.

Dr Mahathir akan menyembah ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat Malaysia diikuti Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan titah Diraja.

Selepas itu Pegawai Agama Istana Negara Datuk Abu Hassan bin akan membaca doa selamat

Sebelum selesai majlis istiadat pertabalan, Datuk Maharaja Lela akan menerima balik naskhah al-Quran daripada Seri Paduka dan mengisytiharkan istiadat itu disempurnakan dan diikuti dengan keberangkatan Seri Paduka berdua me-

ninggalkan Balairong Seri.

Tiupan nafiri dan paluan nobat lagu *Raja Berangkat* mengiringi keberangkatan Seri Paduka berdua yang diarahkan oleh Datuk Maharaja Lela diikuti Datuk Penghulu Istiadat membawa al-Quran, panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama dan alat kebesaran Diraja.

Tuanku Syed Sirajuddin dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 oleh Raja-Raja Melayu pada mesyuarat khas Majlis Raja-Raja ke-191 pada 12 Disember lalu berikutan kemangkatan Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 November tahun lalu.